

**KESAN PENGETAHUAN CUKAI DAN SIKAP TERHADAP
SASARAN KE ATAS NIAT UNTUK MEMATUHI
PEMBAYARAN CUKAI DI KALANGAN PENIAGA-
PENIAGA KECIL**

Oleh

MOTTIAKAVANDAR A/L RAMASAMY

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
Keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Julai 2002

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan yang maha besar kerana memberikan saya kekuatan dan keyakinan untuk menyiapkan tesis ini sambil menyelesaikan semua permasalahan dan rintangan serta dugaan yang timbul selama menempuh pengajian ini. Namun begitu, hasil ini tidak akan sempurna tanpa kerjasama, tunjuk ajar dan bimbingan daripada semua pihak. Pertama sekali saya mengambil kesempatan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia, Profesor Madya Dr. Hasnah Haron kerana telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan motivasi serta toleransi yang tidak terhingga.

Kedua, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Muhammad Jantan atas panduan dan tunjuk ajar beliau berhubung dengan analisis data dan meneliti model kajian ini. Sebenarnya, panduan dan tunjuk ajar beliau dalam membantu meneliti model kajian ini dan memilih analisis-analisis yang betul, dapat membantu saya menyempurnakan tesis ini dengan lebih mudah. Penghargaan yang tinggi juga saya rakamkan kepada Profesor Madya Dr. Jeyapalan Kasipillai, En. Ramayah dan Dr. Yuserrie Zainuddin serta penyelia bersama En. Ang Ji Li.

Ketiga saya merakamkan penghargaan kepada Cik Shila Muniandy dari S. M. Kebangsaan Jit Sin, Bukit Mertajam kerana kesudian beliau menterjemahkan beberapa bab dan menyunting tesis ini serta komen beliau banyak membantu dalam penulisan tesis ini. Tidak lupa juga untuk merakamkan penghargaan kepada Cik Mastura Mat Zin, Pejabat Pendaftar Perniagaan, Cawangan Pulau Pinang yang telah membantu dalam mendapatkan senarai nama responden dalam kajian ini.

Keempat saya merakamkan penghargaan kepada Yayasan Penyelidikan dan Pendidikan Perakaunan Malaysia (MAREF) yang telah sanggup memberi bantuan kewangan untuk membantu menjalankan penyelidikan dalam kajian ini. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada semua responden yang telah mengambil bahagian serta memberi kerjasama dalam kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada ayah R. Ramasamy dan mak R. Rajammal, isteri saya K. Thirumalar, anak-anak saya M. Gauutham, M. Szenteis dan M. Anchita kerana kejayaan saya ialah kejayaan mereka juga. Saya juga merakamkan penghargaan kepada adik saya R. Chandrasekaran yang telah banyak membantu dalam penghasilan tesis ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua ahli keluarga saya yang telah menjadi sumber inspirasi sepanjang tempoh pengajian ini.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
DAFTAR JADUAL	viii
DAFTAR RAJAH	ix
DAFTAR GRAF	x
DAFTAR SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
 BAB 1 : PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai	2
1.4 Pernyataan Masalah	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.5.1 Objektif Utama Kajian	9
1.5.2 Objektif Sampingan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Organisasi Kajian	11
1.8 Kesimpulan	12
 BAB 2 : KAJIAN-KAJIAN LEPAS	 13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Definisi Peniaga Kecil	13
2.3 Cukai Pendapatan	15
2.4 Ketidakpatuhan Cukai (Pengelakan Cukai)	16
2.5 Kesediaan Untuk Sistem Taksiran Sendiri	20
2.6 Faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai	20
2.7 Teori Tingkah Laku	24
2.7.1 Model Tiga Komponen Sikap	27
2.7.2 Model Tindakan Bersebab	28
2.7.3 Model Kotak Hitam	33
2.8 Kesimpulan	36

BAB 3 : SISTEM PERCUKAIAN PENDAPATAN DAN PANDUAN PERCUKAIAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA	37
3.1 Pengenalan	37
3.2 Keperluan Melapor Oleh Peniaga-peniaga Kecil	38
3.3 Sistem Taksiran Rasmi Dan Sistem Taksiran Sendiri	39
3.4 Cukai Pendapatan	41
3.4.1 Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai	41
3.4.2 Memberitahu Tentang Cukai yang Perlu Dikenakan	42
3.4.3 Mengisi Dan Mengembalikan Borang Nyata Pendapatan	42
3.5 Jenis-jenis Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai	44
3.6 Percukaian Pendapatan Perniagaan	44
3.6.1 Perbelanjaan Yang Boleh Dibenarkan	45
3.6.2 Elaun Modal Untuk Loji, Mesin Dan Bangunan Industri	46
3.7 Kerugian Perniagaan	47
3.7.1 Pendapatan Yang Dikecualikan Dari Cukai	47
3.7.1.1 Derma Dan Sumbangan Juga Dikecualikan Dari Cukai	47
3.8 Pelepasan Individu	48
3.9 Taksiran Ke Atas Perkongsian	49
3.10 Kesimpulan	50
 BAB 4 : METODOLOGI	 51
4.1 Pengenalan	51
4.2 Kerangka Kerja Konseptual	51
4.3 Urutan Soalan	55
4.4 Instrumen Kajian	56
4.4.1 Sikap Terhadap Sasaran	56
4.4.1.1 Sikap Terhadap Kepatuhan Orang Lain	57
4.4.1.2 Sikap Terhadap Keberkesanan LHDN	58
4.4.1.3 Sikap Terhadap Keadilan Sistem Percukaian	58
4.4.2 Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri	59
4.4.3 Amaun Pengetahuan Cukai	60
4.4.4 Niat Untuk Mematuhi	61
4.4.5 Pembolehubah Demografi	62
4.5 Ujian Pra Kajian (Pilot Test)	63
4.6 Prosedur Persampelan	64
4.6.1 Masalah Dalam Mengumpul Data	69
4.7 Statistik Inferens	70
4.7.1 Analisis Faktor	70
4.7.2 Korelasi Pearson	71
4.7.3 Analisis Regresi Berganda Dan Analisis Regresi Ringkas	71
4.8 Hipotesis	72
4.9 Kesimpulan	73

BAB 5 : ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN	74
5.1 Pengenalan	74
5.2 Ciri-ciri Responden	74
5.3 Analisis Faktor Bagi Sikap Terhadap Sasaran	78
5.4 Analisis Kesahihan	80
5.5 Statistik Deskriptif	82
5.6 Ujian-ujian Diagnostik	83
5.6.1 Ujian Kenormalan	84
5.6.2 Ujian Heteroskedastisiti	84
5.6.3 Ujian Multikolinearan	86
5.7 Ujian Ke Atas "Outlier's"	86
5.8 Pengukuran Korelasi Pearson	90
5.9 Keputusan Kajian	91
5.9.1 Hipotesis 1	92
5.9.2 Hipotesis 2	93
5.9.2.1 Hipotesis 2.1	94
5.9.2.2 Hipotesis 2.2	95
5.9.2.3 Hipotesis 2.3	95
5.9.3 Hipotesis 3	96
5.9.4 Hipotesis 4	97
5.9.4.1 Hubungan Di Antara Amaun Pengetahuan Cukai Dan Sikap Terhadap Sasaran Dengan Niat Untuk Mematuhi	99
5.9.4.2 Hubungan Di antara Sikap Terhadap Kepatuhan Orang Lain Dengan Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri	102
5.9.4.3 Hubungan Di Antara Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri Dengan Niat Untuk Mematuhi	102
5.9.4.4 Hubungan Di Antara Sikap Terhadap Kepatuhan Orang Lain, Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri Dengan Niat Untuk Mematuhi	103
5.10 Keputusan-keputusan Sampingan	106
5.10.1 Hubungan Faktor Demografi Dengan Pembolehkan Amaun Pengetahuan Cukai, Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri Dan Niat Untuk Mematuhi	106
5.10.1.1 Hubungan Faktor Demografi Dengan Pembolehkan Amaun Pengetahuan Cukai	108
5.10.1.2 Hubungan Faktor Demografi Dengan Pembolehkan Sikap Terhadap Kepatuhan sendiri	110
5.10.1.3 Hubungan Faktor Demografi Dengan Pembolehkan Niat Untuk Mematuhi	111
5.10.1.4 Kesimpulan Ke Atas Keputusan Sampingan	112
5.10.2 Menentukan Sama Ada Pembayar Cukai Memahami Maksud "Sistem Taksiran Sendiri" Yang Akan Kelak Dilaksanakan Pada Tahun 2003	114
5.11 Kesimpulan	116

BAB 6 : RINGKASAN, IMPLIKASI, BATASAN, SUMBANGAN KAJIAN DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN MASA DEPAN	118
6.1 Pengenalan	118
6.2 Ringkasan Kajian	118
6.3 Implikasi Kajian	120
6.4 Batasan Kajian	125
6.5 Sumbangan-sumbangan Kajian	126
6.6 Cadangan Untuk Kajian Masa Depan	128
6.7 Kesimpulan	130
RUJUKAN	131
LAMPIRAN A	137
LAMPIRAN B	145
LAMPIRAN C	153
LAMPIRAN D	182
LAMPIRAN E	188
LAMPIRAN F	189
LAMPIRAN G	196
LAMPIRAN H	200
LAMPIRAN I	207
LAMPIRAN J	211
LAMPIRAN K	215

DAFTAR JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
1.1	Bilangan Kes Penyiataan Dan Jumlah Cukai Dan Denda Dikenakan	7
1.2	Bilangan Borang Nyata Pendapatan Dikeluarkan Dan Borang Nyata Pendapatan Diterima Dan Bilangan Taksiran Dikeluarkan	7
2.1	Ringkasan Kajian-kajianTerdahulu	22
3.1	Pecahan Komponen Cukai Langsung	38
3.2	Jenis Borang Yang Perlu Diisi Oleh Sesuatu Kategori Pembayar Cukai	43
4.1	Faktor Dan Nombor Soalan Dalam Borang Soal Selidik	63
4.2	Bilangan sampel Jenis Perniagaan Yang Dipilih Dari Setiap Negeri	68
5.1	Ciri-ciri Responden	75
5.2	Analisis Faktor Bagi Sikap Terhadap Sasaran	80
5.3	Keputusan Cronbach Alpha	82
5.4	Statistik Deskriptif	82
5.5	Outlier	87
5.6	Keputusan Korelasi Pearson (Pearson Correlation)	89
5.7	Keputusan Regresi Berganda	93
5.8	Keputusan Regresi Ringkas	97
5.9	Keputusan Regresi Berganda Bagi Sub-Model 1	100
5.10	Keputusan Regresi Ringkas Bagi Sub-Model 2	102
5.11	Keputusan Regresi Ringkas Bagi Sub-Model 3	103

5.12	Keputusan Regresi Berganda Bagi Sub-Model 4	104
5.13	Keputusan Ujian Silang dan Ujian Chi-Square Bagi Faktor Demografi Dengan Pembolehubah Amaun Pengetahuan Cukai, Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri Dan Niat Untuk Mematuhi	113

DAFTAR RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
2.1	Model Tiga Komponen Sikap	27
2.2	Teori Tindakan Bersebab (Pengaruh Tidak Langsung Pembolehubah Luaran Ke Atas Tingkah Laku)	32
2.3	Model Kotak Hitam	33
4.1	Model Tingkah Laku Pematuhan Pembayar Cukai	52
5.1	Sub-Model 1 Hubungan Di antara Amaun Pengetahuan Cukai Dan Sikap Terhadap Sasaran Dengan Niat Untuk Mematuhi	101
5.2	Sub-Model 2 Hubungan Di antara Sikap Terhadap Kepatuhan Orang Lain Dengan Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri	100
5.3	Sub-Model 3 Hubungan Di antara Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri Dengan Niat Untuk Mematuhi	103
5.4	Sub-Model 4 Hubungan Di antara Sikap Terhadap Kepatuhan Orang Lain, Sikap Terhadap Kepatuhan Sendiri Dengan Niat Untuk Mematuhi	104
5.5	Model Tingkah Laku Pematuhan Pembayar Cukai 1 (Dicadangkan Selepas Hasil Kajian Ini)	116
6.1	Model Tingkah Laku Pematuhan Pembayar Cukai 1 (Dicadangkan Selepas Hasil Kajian Ini)	129

DAFTAR GRAF

Graf	Tajuk	Muka Surat
5.1	Plot Normal P – P Bagi Semua Pembolehubah	85

DAFTAR SINGKATAN

PP	Pendaftar Perniagaan
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
TCMP	Program Pengukuran Pematuhan Cukai
BNP	Borang Nyata Pendapatan
STS	Sistem Taksiran Sendiri
STR	Sistem Taksiran Rasmi
LPPM	Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia
CKHT	Cukai Keuntungan Hartanah Malaysia
MSA	Measure of Sampling Adequacy

ABSTRAK

Kajian ini melihat faktor-faktor yang menyebabkan mengapa sebilangan peniaga-peniaga kecil (peniaga tunggal dan perkongsian) tidak membayar cukai. Faktor yang dikaji ialah amaun pengetahuan cukai yang dimiliki oleh peniaga kecil dan sikap terhadap sasaran. Sikap terhadap sasaran yang terdiri dari sikap terhadap kepatuhan orang lain, sikap terhadap keberkesanan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan sikap terhadap keadilan sistem percukaian. Sikap terhadap kepatuhan sendiri dan niat untuk mematuhi juga turut diuji. Maklumat telah dikumpul melalui temubual dan kaedah tinjauan. Tiga ratus dua belas responden telah mengambil bahagian di dalam kajian ini.

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa tidak ada kesan perhubungan di antara dimensi amaun pengetahuan cukai dengan dimensi sikap terhadap kepatuhan sendiri. Perhubungan positif hanya terdapat di antara dimensi sikap terhadap kepatuhan orang lain dan dimensi sikap terhadap keadilan sistem percukaian dengan dimensi sikap terhadap kepatuhan sendiri. Dapatan kajian juga menunjukkan sikap kepatuhan sendiri tidak mempunyai perhubungan positif dengan niat untuk mematuhi.

THE EFFECT OF KNOWLEDGE AND ATTITUDE TOWARDS TARGET ON INTENTION TO COMPLY TO THE PAYMENT OF TAX AMONGST SMALL BUSINESS OWNERS

ABSTRACT

This research analyzes the factors that contribute towards payment of tax by small business owners (sole proprietors and partnerships). Factors that are analyzed include: degree of tax knowledge among the small business owners, and their attitudes towards payment of tax. Attitudes towards payment of tax comprises of (i) respondent's attitude towards compliance of other taxpayers, (ii) respondent's attitude towards the efficiency of the Inland Revenue Board, and (iii) respondent's attitude towards the fairness of the tax system.

Data for the study was collected through interviews. Three hundred and twelve respondents participated in this research. Attitude towards own-compliance and their intention to comply were also tested. Results of this study show that there is no relationship between respondents' tax knowledge and attitude towards compliance. A positive relationship can only be found between attitude towards compliance of other taxpayers and attitude towards the fairness of tax system with attitude towards their compliance. It was also found that attitude towards respondents' compliance have no relationship towards intention to comply.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memberi satu gambaran yang jelas bagaimana tesis ini akan dirancang dan diurus serta dilaksanakan. Di samping itu, bab ini juga menerangkan perkara-perkara yang dianggap mustahak dan menjadi nadi utama kepada penghasilan satu tesis yang sempurna. Antara perkara penting yang dibincang dalam bab ini ialah isu-isu utama seperti hasil percukaian, cukai langsung dan cukai tidak langsung dan ketidakpatuhan cukai. Di samping itu bab ini juga merangkumi pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan organisasi kajian serta lain-lain lagi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Hasil percukaian telah menjadi satu sumber utama pendapatan kerajaan Malaysia. Dalam tahun 1998, 35.6% daripada pendapatan kerajaan persekutuan adalah daripada cukai langsung, dan yang bakinya daripada cukai tidak langsung (48.0%) serta hasil bukan cukai (16.4%). Cukai langsung yang dikutip dalam tahun 1998 berjumlah 27.9 billion Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan 30.5 billion RM dalam tahun 1997. Cukai pendapatan merupakan salah satu cara yang paling terjamin di mana pihak perbendaharaan dapat memperolehi satu sumber pendapatan yang tetap, dan daripadanya kerajaan dapat merancang perbelanjaan tahunannya. Rancangan perbelanjaan ini perlu untuk menangani harga eksport komoditi asas yang sentiasa turun naik. Nisbah perkadaran cukai pendapatan persendirian kepada hasil cukai persekutuan adalah dikekalkan sekitar 14% di antara tahun-tahun 1996 hingga 1998. (Laporan Ekonomi, 1997/1998).

Dalam tahun 1997, 28.5% daripada 886,982 juta borang taksiran pendapatan yang diedarkan kepada pembayar cukai, tidak dikembalikan semula (Laporan Tahunan Lembaga Hasil Dalam Negeri 1997). Walaupun fakta ini tidak semestinya mencerminkan ketidakpatuhan (misalnya, mungkin ada dua fail atas seorang pembayar cukai atau pembayar cukai telah meninggal dunia), tetapi ia menunjukkan bahawa sebilangan kes ketidakpatuhan memang wujud.

Ketidakpatuhan cukai merupakan satu petunjuk kegagalan pembayar cukai untuk membayar cukai mereka dengan tepat, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja (Weigel et al., 1987). Mengikut Clotfelter (1983), ketidakpatuhan cukai tidak hanya menyebabkan kerugian dalam pendapatan semasa, tetapi juga mencerminkan ketidakghairahan terhadap pembayaran cukai dan mempamirkan ancaman serius kepada pematuhan cukai secara sukarela, yakni, mengurangkan kesanggupan pembayaran cukai oleh kebanyakan orang. Sebaliknya, pengelakan cukai merujuk kepada satu tindakan ketidakpatuhan yang disengajakan dan ini mengakibatkan pembayaran cukai yang kurang daripada yang sebenarnya. Mengikut Alm (1991), pematuhan cukai bermaksud 'melaporkan kesemua pendapatan dan membayar semua cukai selaras dengan undang-undang, peraturan dan keputusan mahkamah yang digunapakai di sesebuah negara'.

1.3 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai

Kasipillai (1996), menyatakan bahawa terdapat korelasi positif yang kuat di antara pengetahuan cukai dengan tahap pematuhan cukai. Beliau mencadangkan tahap pematuhan boleh dipertingkatkan dengan menambahkan pengetahuan cukai oleh pembayar cukai melalui pendidikan formal atau publisiti cukai. Percukaian Australia

(1989) memetik ucapan yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Percukaian Australia menyatakan bahawa matlamat pejabat Percukaian Australia ialah untuk meningkatkan pematuhan sukarela dan langkah yang paling sesuai untuk meningkatkan pematuhan cukai ialah melalui pendidikan.

Mengikut Fallan dan Eriksen (1996), pengetahuan tentang undang-undang percukaian adalah penting untuk memupuk sikap positif terhadap percukaian. Kajian tentang pengaruh pengetahuan cukai yang spesifik ke atas sikap terhadap percukaian telah dijalankan. Kajian tersebut melaporkan bahawa terdapat perubahan sikap yang signifikan terhadap pengelakan pembayaran cukai sendiri dan juga sikap terhadap keadilan sistem percukaian. Dengan meningkatnya pengetahuan percukaian, tanggapan responden tentang keadilan percukaian turut meningkat. Hasil yang dilaporkan dalam kajian ini menyokong fenomena di mana sikap dipengaruhi oleh pengetahuan cukai yang lebih baik, dan menunjukkan bahawa terdapat dimensi sikap yang lain.

Kajian yang melibatkan pengaruh ke atas sikap percukaian menunjukkan hasil pemerhatian yang menarik kerana kebanyakan keputusan kajian menunjukkan perhubungan di antara sikap dan tingkah laku. Ini termasuklah kajian ke atas pengelakan cukai dan pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai. Etika percukaian (sikap percukaian) juga telah menjadi satu peramal penting dalam kecenderungan untuk mengelak dari membayar cukai. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa pengetahuan spesifik tentang cukai meningkatkan pematuhan cukai. Eksperimen yang dijalankan oleh Fallan dan Eriksen (1996) menunjukkan bahawa tanggapan responden tentang keadilan meningkat dengan pengetahuan cukai yang lebih baik.

Kajian terdahulu juga telah menunjukkan bahawa terdapat perhubungan di antara tanggapan sistem percukaian sebagai adil dengan pematuhan cukai dan kesanggupan seseorang itu menjalankan kewajipan mereka dengan pematuhan cukai (Alm, 1991). Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa sistem percukaian dianggap

lebih adil apabila terdapat pengetahuan cukai yang lebih di kalangan pembayar cukai. Satu kajian di Eropah (Lewis, 1982) menunjukkan pengetahuan cukai yang kurang akan membawa kepada sikap negatif terhadap pematuhan cukai. Apabila sikap terhadap percukaian menjadi positif, ini seterusnya akan meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan kecenderungan untuk mengelak dari membayar cukai.

Jackson dan Milliron (1986) merumuskan kajian terdahulu untuk menentukan sama ada terdapat sebarang perhubungan antara pendidikan seseorang mengenai percukaian dan tingkah laku terhadap percukaian. Dapatan mereka menunjukkan bahawa pengaruh pendidikan adalah kurang jelas dan mencadangkan supaya kajian dibuat dalam bidang ini untuk menangani perkara tersebut. Kesimpulan kajian mereka juga menunjukkan perhubungan antara peningkatan pengetahuan cukai dengan dua dimensi sikap: etika percukaian dan tanggapan tentang keadilan. Dimensi sikap dianggap sebagai pembolehubah berkait yang paling baik antara pengetahuan cukai dan tingkah laku.

Kajian oleh Sabri (1993) merumuskan bahawa keputusan ANOVA dan ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan di antara umur, pekerjaan, pendapatan bulanan persendirian serta isirumah dan latar belakang pendidikan dengan pengetahuan cukai. Dari segi latar belakang pendidikan, responden yang mempunyai pendidikan tinggi seperti ijazah juga didapati mempunyai pengetahuan cukai yang tertinggi. Diikuti dengan mereka yang mempunyai diploma atau Sijil Tinggi Pelajaran/Higher School Certificate, diikuti oleh pemegang Sijil Pelajaran Malaysia/Malaysian Certificate of Education dan seterusnya responden yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran/Lower Certificate of Education. Didapati juga bahawa pengetahuan cukai berkorelasi secara positif dengan sikap pematuhan cukai. Ini bermakna, responden yang mempunyai pengetahuan cukai pada tahap yang tinggi akan juga mempunyai sikap patuh kepada pembayaran cukai.

Dalam kajian ini, selain dari melihat faktor demografi dan sikap pematuhan cukai, pengetahuan percukaian juga diuji. Pembolehubah ini akan diukur di kalangan responden pembayar cukai dan tujuannya adalah untuk menguji sama ada mereka memahami undang-undang percukaian dengan jelas. Walaupun sukar untuk mengukur sejauh mana ketidakpatuhan cukai berlaku di Malaysia, data yang ada menunjukkan bahawa bilangannya semakin meningkat. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan kes penyiasatan dan jumlah cukai dan denda yang dikenakan dari tahun 1994 hingga tahun 1997. Jadual 1.1 menunjukkan bahawa jumlah cukai dan denda yang dikenakan terus meningkat dari tahun 1994 hingga tahun 1997 dan turun pada tahun 1998 dan meningkat semula pada tahun berikutnya. Penurunan pada tahun 1998, mungkin kerana penguncupan ekonomi negara yang berlaku pada tahun 1997.

Selain dari itu, Jadual 1.2 juga menunjukkan sejauh mana ketidakpatuhan cukai berlaku di Malaysia dalam tempoh 1994 hingga tahun 1999. Di mana setiap tahun terdapat perbezaan di antara Borang Nyata Pendapatan (BNP) yang dikeluarkan dengan BNP diterima. Dalam tempoh ini, didapati setiap tahun bilangan BNP yang diterima adalah kurang dari BNP yang dikeluarkan. Ini sudah pasti membuktikan bahawa ketidakpatuhan cukai berlaku setiap tahun dan terus meningkat dari setahun ke setahun. Contohnya, dalam tahun 1999, cukai dan denda yang dikenakan oleh LHDN kepada pembayar cukai ialah sebanyak RM407,362,869 berbanding dengan tahun sebelumnya ialah sebanyak RM362,063,106 sahaja. Ini menunjukkan pungutan cukai dan denda meningkat sebanyak RM45,299,763 atau 12.5% dari tahun sebelumnya. Begitu juga dengan Jadual 1.2 menunjukkan bahawa bilangan di antara BNP dikeluarkan dengan BNP diterima pada setiap tahun berbeza. Contohnya, pada tahun 1999 jumlah BNP dikeluarkan ialah sejumlah 2,879, 501 buah berbanding dengan BNP diterima pada tahun yang sama sejumlah 2,013,968 buah sahaja. Ini menunjukkan bahawa pada tahun 1999 sahaja sejumlah 865,533 atau 30.1% orang pembayar cukai tidak mengembalikan

BNP masing-masing kepada LHDN. Ini adalah satu jumlah yang agak besar dan meunjukkan bahawa ramai pembayar cukai di Malaysia tidak menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang pembayar cukai.

Jadual 1.1 : Bilangan Kes Peniyasan Dan Jumlah Cukai Dan Denda Dikenakan

	1994	1995	1996	1997	1998	1999
Bilangan Kes Peniyasan	485	504	514	609	549	688
Jumlah Cukai Dan Denda Yang Dikenakan	261,471,780	302,241,190	426,065,819	509,785,103	362,063,106	407,362,869

Sumber : Laporan Tahunan LHDN 1999

Jadual 1.2 : Bilangan Borang Nyata Pendapatan (BNP) Dikeluarkan Dan BNP Diterima Serta Bilangan Taksiran Dikeluarkan

	1994	1995	1996	1997	1998	1999
BNP Dikeluarkan	2,363,711	2,451,896	2,628,000	2,629,933	2,969,146	2,879,501
BNP Diterima	1,794,715	1,769,981	1,866,982	1,826,126	2,000,326	2,013,968
Taksiran Dikeluarkan	1,590,715	1,614,373	2,078,697	2,151,297	2,198,130	1,849,738

Sumber : Laporan Tahunan LHDN 1999

1.4 Penyataan Masalah

Cukai pendapatan persendirian boleh diperolehi dari sumber utama seperti berikut:

- (i) cukai pendapatan dari pekerjaan,
- (ii) cukai pendapatan dari perniagaan (termasuk perkongsian) dan
- (iii) cukai pendapatan dari sumber-sumber lain seperti dividen, faedah, ganjaran persaraan, royalti, pencen, sewa, anuiti dan sebagainya.

Apabila perbandingan dibuat di antara pelbagai sektor ekonomi, pengelakan cukai adalah nyata paling tinggi di dalam perniagaan kecil dan perniagaan rakan kongsi (Ibrahim, 1988). Contohnya, dalam tahun 1985, hampir 50% daripada perniagaan kecil tidak mengemukakan penyata pendapatan tahunan mereka.

Mengikut Ali (1997), sebanyak 30% daripada golongan yang layak membayar cukai pendapatan, termasuk peniaga-peniaga kecil didapati masih gagal menunaikan tanggungjawab mereka sejak sistem pembayaran berkomputer diwujudkan. Madihah (1995) juga menyatakan bahawa operasi pemeriksaan dari premis ke premis yang dijalankan oleh Cawangan Penaksiran LHDN sejak pertengahan tahun tersebut berjaya mengesan lebih 2,311 peniaga yang tidak membayar cukai.

LHDN mendapati bahawa tindakan mengesan dan menyiasat perniagaan sedemikian adalah sangat sukar. Ini disebabkan peniaga-peniaga kecil sering mengubah alamat perniagaan mereka atau menjalankan perniagaan mereka di bawah nama seseorang yang lain dan bukan atas nama mereka sendiri. Dalam hal ini, tinjauan secara konsisten yang dijalankan di negara-negara maju telah menunjukkan bahawa responden yang bekerja sendiri adalah lebih cenderung untuk melakukan pelbagai cara ketidakpatuhan dengan pembayaran cukai yang rendah (Aitken dan Bornneville, 1980; Mason dan Lowry, 1981; Groenland dan Van Veldman, 1983). Walaupun tinjauan

sedemikian belum pernah dijalankan di Malaysia, dapatan yang dilaporkan di negara-negara maju boleh digunakan untuk situasi di Malaysia.

Jadual 1.2 juga membuktikan bahawa salah satu daripada tujuh syarat ketidakpatuhan yang dinyatakan oleh Kasipillai (1996) adalah sangat serius di kalangan pembayar cukai di Malaysia. Angka ini amat membimbangkan pihak kerajaan dan LHDN kerana ia menjejaskan sejumlah besar pungutan cukai pada setiap tahun. Misalnya pada tahun 1999 sahaja, seramai 865,533 orang pembayar cukai gagal untuk mengembalikan BNP.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) menentukan sama ada tahap pengetahuan pembayar cukai mempunyai pengaruh ke atas sikap terhadap kepatuhan sendiri (attitude towards own compliance),
- (ii) menentukan sama ada sikap kepatuhan sendiri mempunyai pengaruh ke atas niat pembayar cukai untuk membayar cukai (intention to comply of taxpayers),
- (iii) menentukan sama ada sikap terhadap sasaran-sasaran seperti sikap kepatuhan orang lain (other people's compliance), keberkesanan LHDN (efficiency of IRB) dan keadilan sistem percukaian (fairness of tax system) mempunyai pengaruh ke atas sikap terhadap kepatuhan sendiri (attitude towards own compliance) dan niat pembayar cukai untuk membayar cukai (intention to comply of taxpayers).

1.5.2 Objektif sampingan kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Untuk menentukan sama ada faktor demografi seperti jantina, umur, tahap pendapatan, latar belakang etnik dan tahap pendidikan mempunyai pengaruh ke atas sikap terhadap kepatuhan sendiri dan niat untuk mematuhi cukai.
- (ii) Untuk menentukan sama ada pembayar cukai memahami maksud sistem taksiran sendiri yang akan kelak dilaksanakan pada tahun 2003.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting dan perlu untuk membantu pihak berkuasa, LHDN khususnya dan kerajaan amnya. Kajian ini mampu mengenalpasti sama ada golongan peniaga kecil ini mengalami masalah dan gagal untuk membayar cukai. Kajian ini juga dapat membantu pihak berkuasa menilai tahap pengetahuan cukai golongan pengusaha perniagaan kecil dan hubungannya dengan sikap kepatuhan sendiri. Ini adalah penting kerana menjelang tahun 2003, pembayar cukai kategori ini perlu melaksanakan tanggungjawab ini sendiri (Hasmah, 2000). Dengan sistem taksiran sendiri, mereka perlu mengira dan menaksir jumlah tanggungan cukai yang perlu dibayar.

Dapatan kajian ini berguna untuk LHDN dalam mensasarkan kategori pembayar cukai yang menghadapi masalah dan gagal untuk membayar cukai. Di samping itu, kajian ini juga memberi peluang kepada LHDN untuk mengambil langkah-langkah yang wajar di dalam meningkatkan tahap pematuhan sukarela yang lebih tinggi di kalangan pembayar cukai perniagaan kecil.

1.7 Organisasi Kajian

Tesis ini mengandungi enam bab. Bab pertama ini menjelaskan isu-isu penting berhubung kepatuhan cukai di kalangan pengusaha-pengusaha perniagaan kecil di Malaysia. Selain dari itu, bab ini juga menerangkan mengenai definisi dan konsep penting dalam kajian ini seperti definisi pematuhan cukai, pengelakan cukai secara sengaja dan tidak sengaja. Bab ini juga menjelaskan mengenai kepentingan kajian ini.

Bab kedua pula akan membincangkan rekabentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu dan membentangkan beberapa teori yang berkaitan dengan ketidakpatuhan cukai. Sebagai permulaan, definisi pengusaha perniagaan kecil ditafsirkan, diikuti dengan satu gambaran ringkas tentang teori-teori sikap serta tingkah laku, dan seterusnya dapatan kajian terdahulu yang menghubungkan pengetahuan, demografi, sikap terhadap kepatuhan cukai dan niat untuk mematuhi cukai.

Bab ketiga pula ditulis untuk memberikan satu gambaran yang jelas kepada para pembayar cukai, terutama sekali peniaga-peniaga kecil mengenai panduan atau prosedur percukaian. Bab ini juga menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang sistem cukai pendapatan Malaysia, perbezaan di antara sistem taksiran sendiri dengan sistem taksiran formal dan taksiran ke atas perkongsian.

Bab keempat pula membincangkan secara terperinci mengenai metodologi kajian yang merangkumi tajuk-tajuk yang dibincangkan seperti rangka kerja teori, cara kertas soal selidik dipersembahkan, instrumen kajian, prosedur persampelan dan hipotesis-hipotesis yang diuji dalam kajian ini serta lain-lain lagi. Di samping itu, bab ini juga membincangkan secara terperinci mengenai Model Tingkah Laku Pematuhan Pembayar Cukai yang menjadi asas kepada kajian ini.

Bab kelima akan menerangkan mengenai keputusan kajian. Ia menilai sikap dan pengetahuan cukai responden. Ia juga menilai sejauh mana responden memf

pandangan mengenai keberkesanan LHDN sebagai agensi memungut cukai` dan mengamalkan undang-undang percukaian. Bab ini juga akan mengemukakan profil responden dan skala ukuran reliabiliti serta keputusan semua analisis yang telah diuji dalam kajian ini seperti keputusan analisis faktor, analisis korelasi, analisis regresi berganda dan lain-lain lagi.

Akhirnya, bab keenam akan memberi kesimpulan secara ringkas mengenai keputusan kajian, halangan atau batasan kajian ini berserta dengan cadangan-cadangan untuk kajian-kajian di masa akan datang. Selain daripada itu, sumbangan-sumbangan hasil dari kajian ini juga dibincangkan dalam bab terakhir ini.

1.8 Kesimpulan

Bab pertama ini mengandungi isu-isu penting berhubung dengan pematuhan cukai di kalangan pengusaha-pengusaha perniagaan kecil. Di samping itu, bab ini telah menerangkan konsep-konsep yang penting dan faktor-faktor yang mempengaruhi ketidakpatuhan cukai di kalangan peniaga-peniaga kecil. Selain itu, bab ini juga telah menjelaskan mengenai pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan organisasi kajian. Secara keseluruhannya, bab pertama ini mencerminkan bagaimana tesis ini akan dirancang dan diatur untuk membentuk ke arah satu tesis yang sempurna dan lengkap.

BAB DUA

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan rekabentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu dan membentangkan beberapa teori yang berkaitan dengan ketidakpatuhan cukai. Sebagai permulaan, definisi peniaga-peniaga kecil ditafsirkan, diikuti dengan satu gambaran ringkas tentang teori-teori sikap serta tingkah laku, dan seterusnya dapatan kajian terdahulu yang menghubungkan pengetahuan, demografi, sikap, tingkah laku dan ketidakpatuhan cukai. Akhir sekali, perbincangan akan dibuat tentang implikasi dan faktor penentu ketidakpatuhan cukai.

2.2 Definisi Peniaga Kecil

Peniaga-peniaga kecil merupakan majoriti terbesar dalam populasi perniagaan dalam kebanyakan negara membangun serta dalam negara sedang membangun. Tambahan pula, perniagaan sedemikian telah memberi sumbangan penting kepada ekonomi negara di serata dunia. Hodgetts dan Kuratko (1995) menyatakan bahawa perniagaan kecil bukan sahaja mewujudkan pekerjaan tetapi juga merupakan satu jentera ekonomi yang memberi halatuju kepada kualiti keseluruhan kehidupan. Malahan, Storey (1994) menyatakan secara khusus bahawa firma-firma kecil, membentuk jumlah keseluruhan syarikat dalam seluruh ekonomi dalam dunia ini. Tidak dapat dinafikan bahawa firma kecil dan pengusaha kecil memainkan peranan besar dalam ekonomi dunia (Bygrave, 1994; Timmons, 1994).

Di Malaysia, nampaknya tidak terdapat satu definisi piawai bagi pengusaha perniagaan kecil. Para akademik telah mendefinisikan pengusaha perniagaan kecil

dengan pelbagai cara. Kebanyakan definisi yang diberikan adalah berpandukan kepada tujuan dan matlamat para penyelidik.

Menurut Pengarah Pejabat Pendaftaran Perniagaan (Registrar of Business-ROB) Cawangan Pulau Pinang, peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan seperti restoran, kedai runcit, kedai gambar, pemborong, peniaga pasar malam, penjaja, pasar mini, agensi pengangkutan dan perniagaan perkongsian mesti berdaftar di Pejabat Pendaftaran Perniagaan (ROB) yang terdekat. Ini termasuk semua penjaja bergerak yang menggunakan sekurang-kurangnya kenderaan “tiga roda” perlu berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan. Jika seseorang peniaga ingin mendaftar perniagaan mereka dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan, mereka tidak perlu risau tentang modal untuk memulakan perniagaan kerana ROB tidak mensyaratkan jumlah modal yang tertentu. Oleh itu, peniaga dibenarkan memulakan perniagaan tanpa sebarang modal atau dengan erti kata lain mengikut kemampuan masing-masing. Biasanya, kerajaan dan agensi kerajaan yang memberikan bantuan kepada pengusaha perniagaan kecil.

Mengikut Eckert et al.(1991), sesuatu perniagaan kecil boleh didefinisikan sebagai sebarang penerokaan bersemangat, sebarang perniagaan yang ingin dimulakan, sebarang idea yang ingin dikejar dalam bidang pasaran dan ia mungkin boleh bersifat sambilan, sesuatu yang dibuat di rumah, sesuatu yang dicuba sendiri atau secara berpasukan seperti gerai makan, pusat tuisyen, menjual ais krim, membuat kraf tangan dan sebagainya.

Mengikut Longenecker dan Moore (1993), sesuatu perniagaan mungkin dihuraikan sebagai “kecil” apabila dibandingkan dengan firma yang lebih besar. Kebanyakan orang, misalnya, akan mengklasifikasikan stesyen minyak yang dimiliki persendirian, restoran berhampiran dan kedai runcit setempat milik persendirian sebagai perniagaan kecil. Dengan yang demikian, kebanyakan orang akan bersetuju bahawa pengilang kereta sebagai perniagaan besar. Dan firma-firma dalam saiz perantaraan

akan diklasifikasikan sebagai besar atau kecil mengikut pandangan individu masing-masing.

2.3 Cukai Pendapatan

Dalam istilah umum, cukai pendapatan bermaksud “cukai yang dikenakan oleh kerajaan ke atas pendapatan yang diperolehi”. Cukai pendapatan ini membantu kerajaan untuk membiayai perbelanjaan seperti pembinaan jalan, sekolah, hospital serta penyediaan perkhidmatan dan sebagainya. Jumlah cukai pendapatan yang dikenakan adalah berbeza-beza mengikut individu dan syarikat, iaitu bergantung kepada tahap pendapatan individu dan syarikat berkenaan.

Walau bagaimanapun, Seksyen 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 menyebut bahawa:-

“Berpandukan kepada Akta ini, suatu cukai yang dikenali sebagai cukai pendapatan akan dikenakan bagi setiap tahun taksiran ke atas pendapatan bagi setiap orang yang memperolehinya dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia.”

Selain dari itu, Para 28 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967 pula menyebut bahawa pendapatan yang diremitkan dari luar Malaysia oleh seseorang yang bukan bermastautin adalah dikecualikan dari cukai pendapatan. Sekurang-kurangnya, sedikit maklumat am tentang cukai pendapatan adalah perlu bagi setiap peniaga yang terlibat dalam membuat keputusan perniagaan, dan setiap individu yang membuat pelaburan persendirian. Pengetahuan sedemikian juga akan membantu setiap peniaga dan individu untuk mendapat lebih banyak faedah melalui nasihat dari perunding cukai yang mahir.

2.4 Ketidakpatuhan Cukai (Pengelakan Cukai)

Konsep dan definisi yang digunakan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan maksud ketidakpatuhan undang-undang cukai pendapatan dan ini termasuklah ketidakpatuhan secara sengaja dan tidak sengaja. Tetapi, nampaknya tidak terdapat satu definisi umum bagi pematuhan oleh pembayar cukai. Definisi Roth et al. (1989) sebagaimana yang disebut oleh Fischer et al. (1992) nampaknya memenuhi kebanyakan daripada keperluan tersebut :

“Pematuhan dengan melaporkan apa yang dikehendaki bermaksud pembayar cukai mengemukakan kesemua penyata pendapatan yang dikehendaki pada tempoh tertentu termasuk liabiliti cukai selaras dengan Kod Hasil Dalam Negeri, peraturan dan keputusan mahkamah yang digunapakai pada masa penyata itu disediakan”.

Definisi ini merangkumi kedua-dua ketidakpatuhan secara sengaja dan tidak sengaja. Pengelakan cukai pendapatan melibatkan ketidakpatuhan cukai yang disengajakan. Dalam rangka kerja undang-undang percukaian, “ketidakpatuhan” didefinisikan sebagai “kegagalan oleh pembayar cukai secara sengaja atau tidak sengaja untuk memenuhi kehendak percukaian” (Kinsey, 1985). Pengetahuan tentang undang-undang percukaian mempunyai kesan ke atas ketidakpatuhan yang tidak disengajakan, manakala tanggapan tentang keadilan dan layanan oleh LHDN boleh mempengaruhi pengelakan percukaian (Roth et al. 1989).

Boidman (1983) dalam artikelnya, menyatakan bahawa terdapat lima tindakan yang menunjukkan ketidakpatuhan di dalam membayar cukai. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kegagalan dalam mengisytiharkan hasil pendapatan,
- (ii) kegagalan untuk menghalang pemotongan bagi mereka yang dibenarkan,
- (iii) kegagalan untuk mengemukakan borang nyata pendapatan,
- (iv) kegagalan untuk membayar cukai tertunggak, dan
- (v) 'loteri audit', sesuatu perniagaan yang tidak dipilih untuk diaudit oleh LHDN.

Kasipillai (1996), sebaliknya pula menyatakan bahawa ketidakpatuhan berlaku apabila seseorang gagal untuk mematuhi salah satu daripada tujuh syarat yang berikut, iaitu:

- (i) pembayar cukai yang baru, mendaftarkan diri masing-masing,
- (ii) mengemukakan penyata pendapatan tahunan yang lengkap dengan pendedahan penuh pendapatan yang ditaksir,
- (iii) hanya potongan yang dibenarkan sahaja dituntut,
- (iv) penyata pendapatan tahunan diserahkan sebelum tarikh yang ditetapkan,
- (v) cukai dibayar pada masa yang ditetapkan,
- (vi) mengisytiharkan pendapatan yang diperolehi dan yang tidak dimasukkan dalam taksiran bagi tahun-tahun sebelumnya, dan
- (vii) kesemua pendapatan yang diterima oleh pasangan suami isteri perlu dikemukakan dengan sepenuhnya.

Berdasarkan kepada definisi di atas, seseorang pembayar cukai dikatakan telah patuh kepada undang-undang percukaian jika ia menghantar penyata pendapatan tahunan yang telah dilengkapkan dalam masa yang ditetapkan, melaporkan liabiliti cukai mereka yang sebenar dan menjelaskan liabiliti cukai tersebut tanpa sebarang paksaan. Satu lagi definisi "pematuhan" yang digunakan dalam konteks Amerika Syarikat oleh Fischer et al., (1992) adalah seperti berikut : "pematuhan dengan melaporkan apa yang dikehendaki, bermaksud pembayar cukai tersebut mengemukakan semua penyata pendapatan yang diperlukan pada masa yang sesuai termasuk melaporkan liabiliti cukai dengan tepat dan selaras dengan Kod Hasil Dalam Negeri,

peraturan serta keputusan mahkamah yang digunapakai pada masa penyata tersebut disediakan” .

Ketidakpatuhan cukai yang tidak disengajakan boleh mengakibatkan sama ada “kurang daripada pematuhan” (under-compliance) atau lebih daripada pematuhan (over-compliance). “Kurang daripada pematuhan” merujuk kepada satu keadaan di mana seseorang pembayar cukai melaporkan liabiliti cukai yang kurang daripada jumlah sebenar (Kasipillai, 1996). Istilah “lebih daripada pematuhan” digunakan apabila seseorang pembayar cukai melaporkan liabiliti yang lebih tinggi daripada yang sebenar.

Ketidakpatuhan cukai yang tidak disengajakan mungkin disebabkan oleh masalah lupa, kesilapan dalam pengiraan, kekurangan pengetahuan tentang undang-undang percukaian dan sebagainya. James et al., (1987) melaporkan bahawa lebih kurang 80% pesara yang membayar cukai di United Kingdom membuat kesilapan dalam borang penyata pendapatan tahunan mereka, dan Swingen dan Long (1988) menganggarkan bahawa antara 2.9% dan 10.8% pembayar cukai di Amerika Syarikat menyediakan penyata pendapatan tahunan, membuat kesilapan matematik dan kesilapan penulisan yang jelas kelihatan melalui suatu pemeriksaan yang mudah. Walaupun pembayar cukai menyediakan rekod secara jujur dan mengira perbelanjaan setepat yang mungkin, mereka berkemungkinan menghadapi pembayaran cukai pendapatan yang lebih tinggi atau lebih rendah. Ini mungkin disebabkan oleh pembayar cukai yang kurang faham dengan peraturan atau undang-undang percukaian itu sendiri yang agak kabur. Situasi tersebut tidak dikaji dalam kajian ini. Di Amerika Syarikat, ketidakpatuhan yang tidak disengajakan (akibat ketidakfahaman) adalah terhad kepada penalti bersifat kewangan. Ketidakpatuhan yang disengajakan adalah tertakluk kepada penalti yang lebih berat.

Seksyen 114 Akta Cukai Pendapatan 1967 mendefinisikan ketidakpatuhan serta menyatakan denda yang dikenakan kerana ketidakpatuhan. Akta tersebut menyebut bahawa “sesiapa yang dengan rela hati dan dengan niat untuk mengelak diri daripada membayar cukai atau membantu orang lain untuk mengelak pembayaran cukai:

(a) tidak memasukkan sebarang pendapatan yang sepatutnya ditaksirkan

dalam borang nyata pendapatan di bawah akta ini, dan

(b) membuat pernyataan atau kemasukan palsu dalam borang nyata

pendapatan di bawah akta ini,

jika didapati bersalah akan dikenakan denda sebanyak RM1,000 hingga RM20,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali; termasuk penalti pembayaran tiga kali cukai yang dikenakan”.

Terdapat cadangan-cadangan dalam kajian pematuhan cukai supaya undang-undang percukaian dibuat ringkas dan mudah. Ini akan memudahkan kefahaman dan seterusnya akan menggalakkan pematuhan sukarela di kalangan pembayar cukai. Brooks dan Dood (1990) telah mencadangkan bahawa dengan mengurangkan tahap kerumitan undang-undang percukaian (atau meningkatkan pemahaman) mungkin akan meningkatkan pematuhan. Kajian-kajian terdahulu juga telah menunjukkan bahawa peniaga-peniaga kecil mendapati sukar untuk menyediakan rekod perakaunan, justeru itu menghadapi masalah dalam menentukan jumlah cukai yang perlu. Kesemua isu ini merupakan cabaran kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam memperkenalkan Sistem Taksiran Sendiri dalam tahun 2003.

Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Sabri (1993), 76.7% daripada 252 responden di Malaysia tidak tahu-menahu tentang Sistem Taksiran Sendiri dan hanya 46.6% responden mempunyai cukup pengetahuan untuk menentukan liabiliti cukai mereka. Boidman (1983) menyatakan bahawa “di Amerika Syarikat, usaha untuk mengelak dari membayar cukai adalah satu kejadian yang universal dan tetap berlaku

akibat kewujudan cukai” dan “kedua-dua cukai serta pengelakan cukai tidak dapat dipisahkan seperti manusia dengan bayang-bayanginya”. Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan cukai.

2.5 Kesediaan Untuk Sistem Taksiran Sendiri

Dalam Sistem Taksiran Sendiri percukaian pendapatan, pembayar cukai bertanggungjawab mengira cukainya sendiri. Sebelum sistem percukaian baru ini diperkenalkan di negara ini, rakyat mesti diberi kesedaran tentang sistem ini dan haruslah mempunyai kefahaman yang baik mengenai peraturan percukaian. Salah satu aspek yang penting ialah pembayar cukai mestilah berkebolehan untuk mengira liabiliti cukainya sendiri. Rakyat sesebuah negara itu mestilah mempunyai pengetahuan percukaian yang tinggi untuk memastikan Sistem Taksiran Sendiri akan berjaya dengan sepenuhnya jika dilaksanakan di negara tersebut.

2.6 Faktor Yang Mempengaruhi Ketidakpatuhan Cukai (Pengelakan Cukai)

Kajian menunjukkan bahawa peniaga-peniaga kecil menghadapi kesukaran untuk menyediakan rekod yang betul bagi tujuan pengurusan dan percukaian. Ini telah mengakibatkan kebanyakan peniaga kecil gagal untuk mematuhi keperluan percukaian perniagaan. Ketidakmampuan untuk memenuhi peraturan pihak berkuasa adalah masalah biasa pengusaha-pengusaha perniagaan kecil.

Di Amerika Syarikat, Andreoni dan Brian (1998) telah menjalankan Program Pengukuran Pematuhan Pembayar Cukai (Tax Compliance Measurement Program-TCMP) dan kajian ini menumpukan pada empat alternatif sumber pengetahuan yang digunakan oleh para penyelidik untuk mengukur pengelakan cukai: data audit; data

tinjauan; pengampunan cukai; dan data yang diperolehi melalui eksperimen makmal. Tinjauan ini meliputi antara 45,000 hingga 55,000 penghuni di dalam sesebuah rumah. Tinjauan ini membekalkan satu sumber maklumat alternatif tentang ketidakpatuhan. Daripada kajian TCMP bagi tahun 1985, hasil data penghuni dalam sesebuah rumah menunjukkan bahawa daripada semua pemilik perniagaan, peratusan terbesar (39%) yang tidak memberikan kepentingan tentang percukaian ialah mereka yang terlibat dalam jualan (perniagaan) di tempat yang tetap (jualan kereta, kedai, restoran dan sebagainya) diikuti (36%), dengan mereka yang terlibat dalam perniagaan pengangkutan, komunikasi dan perniagaan yang memberi perkhidmatan awam (utilities), jualan runcit (31%), industri perniagaan borong (19%), pertanian, perhutanan dan perikanan (18%) dan akhir sekali kewangan, agen jual hartanah dan insurans (16%). Mereka juga berpendapat bahawa peraturan moral, isu keadilan dan penilaian pembayar cukai terhadap perbelanjaan kerajaan serta rasuah akan mempengaruhi ketidakpatuhan.

Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa pembolehubah demografi mungkin juga mempengaruhi tingkah laku kepatuhan pembayar cukai. Misalnya, umur, jantina, tahap pendapatan, tahap pendidikan dan latar belakang etnik telah menunjukkan suatu perhubungan yang positif dengan pematuhan cukai. Jadual 2.1 menunjukkan ringkasan pengaruh faktor-faktor seperti sikap dan demografi ke atas pematuhan cukai.

Jadual 2.1 : Ringkasan Kajian-Kajian Terdahulu

Penyelidik	Faktor	Responden	Dapatan
Andreoni & Brian (1998)	(i) umur (ii) bekerja sendiri (iii) kadar cukai (iv) jenis pekerjaan (v) jantina (vi) keadilan sistem percukaian	Kajian ini dijalankan di Amerika Syarikat dan antara 45,000 hingga 55,000 penghuni rumah dipilih secara rawak untuk menjadi responden.	Semuanya ada perkaitan dengan Kepatuhan Cukai
Fallan & Eriksen (1996)	(a)Perubahan dalam pengetahuan cukai dan sikap.	Kuasi-eksperimen: Ujian Pra(149-102 sampel) dan Ujian Pos(123-94 sampel) di kalangan 2 kumpulan pelajar.	Pengetahuan cukai mempengaruhi sikap terhadap percukaian
Kasipillai (1996)	(i) Indeks Pengetahuan Kefahaman Pembayar Cukai dengan: (a) umur (b) tahap pendidikan (c) sektor pekerjaan (d) latar belakang etnik (e) jantina (f) tahap pendapatan (g) jenis pekerjaan (i) tanggapan tentang keadilan	Data daripada pembayar cukai di Klang, Selangor. Responden dipilih secara rawak dari panduan buku telefon. Seramai 150 sampel pembayar cukai ditemubual.	Perhubungan yang positif dan signifikan di antara umur, pendidikan, pekerjaan, latar belakang etnik dan jantina.
Klepper, Mazur & Nagin (1988)	(i) keadilan sistem percukaian (ii) keadilan beban percukaian	Responden adalah pengamal cukai	Perhubungannya, positif dengan pematuhan cukai.
Robben et al. (1990)	(a) meneliti faktor kemungkinan peluang kepada sikap terhadap kepatuhan.	Simulasi perniagaan kecil dari Belgium, Spain, Sweden dan Amerika Syarikat.	Signifikan terhadap pematuhan.
Sabri (1993)	Demografi: (a) bangsa (b) tahap pendapatan (c) jantina (d) umur (e) sektor pekerjaan (f) tahap pendidikan Pembolehubah lain: (a)Pengetahuan cukai (b)Kebekerkesanan pentadbiran (c)Keadilan sistem percukaian (d)Kesediaan sistem	252 sampel dari Lembah Klang, Malaysia; penduduk yang telah mengemukakan penyata pendapatan kepada LHDN. Sampel dipilih dari yang bekerja untuk majikan dan bekerja sendiri.	i) Jantina, umur, sektor pekerjaan, tahap pendidikan dan Pengetahuan cukai menunjukkan perhubungan signifikan dengan pematuhan cukai ii) Sikap terhadap kepatuhan orang lain dan

Sambungan Jadual 2.1 : Ringkasan Kajian-Kajian Terdahulu

	taksiran sendiri (e) Sikap terhadap kepatuhan orang lain		pematuhan cukai berkorelasi secara positif
Song & Yarbrough (1978)	(a) Tahap pengetahuan cukai.	Sampelnya ialah pembayar cukai dari Eastern North Carolina, Amerika Syarikat.	Pengetahuan cukai lebih, pematuhan cukai positif.
Witt & Woodbury (1985)	(a) Umur (b) Keberkesanan Pentadbiran (c) Keadilan sistem percukaian	Responden merupakan pembayar cukai yang dipilih secara rawak. Pembayar cukai yang tidak berdaftar akan dikecualikan daripada sampel.	Semua faktor mempunyai perhubungan yang positif dengan pematuhan cukai

Robben et al. (1990) menjalankan satu siri eksperimen melibatkan simulasi perniagaan kecil yang canggih menggunakan peserta dari Belgium, Spain, Sweden dan Amerika Syarikat. Mereka mendapati bahawa peserta yang mempunyai peluang tanggapan yang tinggi terhadap kepatuhan (dengan mempunyai pemotongan bagi banyak perkara) cenderung adalah untuk tidak membayar cukai. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pemahaman pembayar cukai dipengaruhi oleh umur, pendidikan, sektor pekerjaan, latar belakang etnik, jantina, tahap pendapatan dan pekerjaan pembayar cukai.

Lewis (1982) dan Roberts et al. (1994) sebagaimana yang disebut oleh Fallan dan Eriksen (1996) dalam kajian mereka masing-masing menyatakan bahawa bila andaian dan tanggapan yang salah digantikan dengan pengetahuan maka terdapat suatu perubahan dalam sikap terhadap percukaian

Ayub (1994) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat pendapat yang bercanggah antara pengutip cukai dan agen cukai. Pengutip cukai berpendapat bahawa pembayar cukai mengelakkan cukai disebabkan oleh sikap mereka atau kewujudan peluang ketidakpatuhan, manakala lebih ramai agen cukai berpendapat bahawa

pembayar cukai mempunyai kebolehan mematuhi yang kurang baik. Walaupun sebilangan besar responden secara signifikan menyatakan bahawa LHDN sepatutnya membenarkan pembayar cukai untuk mengira cukai mereka sendiri (taksiran sendiri), hanya lebih kurang satu daripada empat responden tersebut mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa pembayar cukai akan mematuhi undang-undang percukaian secara sukarela. Akhir sekali, kajian tersebut menunjukkan kebanyakan pengutip cukai dan agen cukai berpendapat bahawa LHDN seharusnya memberi lebih banyak penekanan terhadap pendidikan cukai termasuk bantuan percukaian supaya pematuhan cukai secara sukarela dapat dipupuk di kalangan rakyat Malaysia.

2.7 Teori Tingkah Laku

Teori Dulany (1967) telah menfokuskan kepada tingkah laku dengan niat yang lebih tepat dan khusus – iaitu, niat seseorang individu untuk melakukan sesuatu tindakan yang dikehendaki dalam situasi yang diberikan. Teori Dulany telah diperkembangkan secara meluas dalam konteks kajian pelaziman verbal dan pemerolehan konsep. Biasanya, teori yang menyumbangkan kepada ramalan tentang tingkah laku yang nyata ialah Teori Dulany. Adalah diharapkan bahawa pendekatan ini akan memberikan satu pemahaman yang lebih lengkap tentang perhubungan antara sikap dan tingkah laku, dengan mengenalpasti cara-cara bagaimana pembolehubah lain berinteraksi dengan sikap sebagai penentu tingkah laku yang nyata. Secara lebih khusus, pendekatan ini mungkin dipandang sebagai satu usaha untuk menyambung jurang antara ukuran tradisional tentang sikap terhadap objek rangsangan dan tingkah laku berkait dengan objek tersebut dalam situasi yang diberikan.

Mengikut teori ini, tingkah laku dengan niat adalah dihasilkan sebaik sebelum tingkah laku yang nyata. Berbeza dengan tingkah laku dengan niat yang biasanya